

EDISI 6/2014

BULETIN

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH SABAH

www.townplanning.sabah.gov.my

MENARIK DI DALAM

**PIAWAIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP
NEGERI SABAH**

PRODUK ICZM

**PENYEDIAAN ECOSYSTEM CLASSIFICATION OF THE
COASTAL ZONE OF SABAH**

PELAN STRUKTUR SABAH 2033

KENAPA DIPERLUKAN?

PERSIDANGAN PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2014

PLANNING FOR LIVEABLE CITIES IN SABAH WITH FOCUS ON AFFORDABLE HOUSING





ISI

KANDUNGAN

DARI SUDUT MEJA

03. Ketua Editor

DI SEBALIK TABIR

04. Sidang Redaksi

PEMBUKA BICARA

05. Perutusan Menteri

06. Prakata SUT

07. Kata Aluan Pengarah

PERANCANGAN FIZIKAL

08. Pelan Struktur Sabah

09. Pelan Tempatan

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

10. Zon Persisiran Pantai Bersepadu (ICZM)

11. Latihan & Dasar

KAWALAN PEMBANGUNAN

12. Ibu Pejabat Kota Kinabalu

14. Pejabat Cawangan Sandakan

15. Pejabat Cawangan Tawau

LANDSKAP

17. Hari Landskap Negara

18. Piawaian Perancangan

URUSETIA LEMBAGA PUSAT

19. Pekeliling

KHIDMAT PENGURUSAN

20. Penerima Anugerah

20. Jasamu Dikenang

ISU SEMASA

21. Mesyuarat Pegawai Kanan

21 Persidangan Hari Perancangan Bandar Sedunia

KREW

23. Pertandingan Memancing

24. Sambutan Tahun Baru Cina 2014

Bingkisan dari Editor

Salam sejahtera,

Masanya telah tiba untuk edisi yang ke-6 diterbitkan.

2014 merupakan tahun yang sangat bermanfaat kepada JPBW kerana ianya diakhiri dengan Persidangan Hari Perancang Bandar Sedunia 2014.

Tema persidangan kali ini ialah *"Liveable Cities with Focus on Affordable Housing"*. Tema ini merupakan lanjutan daripada tema persidangan pada tahun yang sebelumnya. Persidangan tersebut telah berlangsung dengan jayanya kerana kertas kerja yang telah dibentangkan oleh seorang penceramah jemputan mendapat penilaian yang tinggi berdasarkan kepada maklum balas daripada peserta persidangan. Kandungan dan pengisian mengenai persidangan tersebut telah pun dibukukan dan boleh didapati di mini perpustakaan Jabatan, bertempat di bilik mesyuarat JPBW.

Wajah buletin kali ini dipaparkan dengan kepelbagaian flora dan fauna yang terdapat di Negeri Sabah untuk menghargai keindahan alam semulajadi yang telah diwarisi sejak sekian lamanya dengan harapan akan terpelihara selama yang boleh dengan sokongan daripada kita semua, seperti pepatah mengatakan *"We reap what we sow"*.

Ini adalah mesej saya yang terakhir selaku ketua editor untuk buletin 2014. Ini kerana saya akan bersara pada pertengahan bulan Disember 2015 ini.

Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan JPBW di atas sumbangan dan kerja keras mereka dalam menghasilkan buletin jabatan dari edisi yang pertama sehinggalah edisi yang terkini, walaupun pada masa yang sama dibebani dengan tugas mereka seharian. Tanpa sokongan padu daripada setiap kakitangan yang terlibat pastinya penerbitan buletin ini tidak akan menjadi kenyataan. Mungkin buletin yang dihasilkan ini bukanlah yang terbaik tetapi bagi kami ini adalah satu proses pembelajaran untuk memperbaiki setiap buletin yang dihasilkan agar menjadi lebih baik pada masa akan datang. Pembelajaran ini harus diteruskan.

Adalah menjadi harapan saya agar sesiapa sahaja yang bakal menggantikan tugas sebagai Ketua Editor akan dapat melaksanakan tugas ini lebih baik daripada saya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Pengarah, Puan Teresa Linggian selaku pengerusi jawatankuasa buletin dan kepada semua ahli jawatankuasa atas kerja keras anda dalam memastikan penyediaan buletin ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Akhir kata, saya ingin juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Pengarah JPBW, Tuan Haji Mursidi Haji Sapie atas keyakinan beliau terhadap saya dalam menjalankan tugas sebagai Ketua Editor untuk buletin ini.

EDITOR

Eleanor Wong

SIDANG REDAKSI 2014



PENGARAH
TUAN HAJI MURSIDI HAJI SAPIE



TIMBALAN PENGARAH/PENGERUSI
PUAN TERESA LINGGIAN



KETUA EDITOR
PUAN ELEANOR WONG



ENCIK TERENCE



PUAN NURULHAYATI



PUAN CAROLYN



PUAN HAJAH JAMILAH



ENCIK AUGUS



ENCIK HASHIM



ENCIK SHAHRUM



ENCIK PASDIK



PUAN MARIANI



PUAN ROZIDAH



PUAN CAROLINE



ENCIK DANNY



ENCIK MYRON



ENCIK AL- ZAIED



ENCIK SUHAILI

PERUTUSAN

Yang Berhormat
Menteri Kerajaan Tempatan & Perumahan
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Negeri Sabah



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekalung tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah atas usaha menyiapkan buletin edisi ke-6, serta tahniah diatas kejayaan menganjurkan persidangan yang bertemakan "*Planning for Cities in Sabah with Focus on Affordable Housing*" sempena Hari Perancang Bandar Sedunia tahun 2014.

Sebagai sebuah Jabatan dalam Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan, saya amat berbangga kerana JPBW sentiasa mengambil langkah proaktif mengatur strategi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua dengan membuat perancangan yang relevan dengan perkembangan perancangan semasa serta berlandaskan undang-undang.

Saya amat tertarik dengan tema persidangan tahun 2014, iaitu perancangan mewujudkan "*Liveable Cities*" di Negeri Sabah yang memberi fokus kepada penyediaan rumah mampu milik. Sememangnya kerajaan amat perihatin akan masalah yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Tidak dinafikan harga rumah yang semakin mahal dan melambung tinggi menyukarkan golongan ini untuk mendapatkan rumah yang selesa. Selain itu, prosedur yang ketat menyukarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana mendapatkan pembiayaan. Oleh yang demikian, tema "*Affordable Housing*" ini amat sesuai, tepat dan sangat ditunggu-tunggu. Sememangnya kerajaan amat komited dalam membela nasib rakyat. Kerajaan melalui Lembaga Perumahan Bandar (LPPB) secara usahasama dengan pihak pemaju swasta merancang untuk membina rumah mampu milik di bandar-bandar utama dan daerah di negeri ini. Selain itu, dalam ucapan bajet 2014 turut menyentuh penyediaan pelbagai insentif menarik bagi pembelian rumah khususnya golongan muda yang baru pertama kali membeli rumah diperkenalkan. Pendekatan kreatif ini, disifatkan sebagai "mesra hartanah" kerana ia mampu menjadi pemangkin dalam merancakkan industri hartanah di negeri ini.

Akhir kata dalam kesempatan ini, suka saya menyatakan bahawa kerajaan akan sentiasa membantu rakyat dan membawa pembangunan pada negeri ini.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR

PRAKATA

Yang Berbahagia Setiausaha Tetap

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah

Salam sejahtera,

Tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Negeri Sabah kerana menyiapkan buletin edisi ke-6. Buletin ini merakamkan aktiviti-aktiviti JPBW sepanjang tahun 2014 serta boleh dijadikan rujukan kerana mencatatkan maklumat penting seperti statistik (pemprosesan pelan pembangunan) serta pekeliling terbaharu daripada Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak Berkuasa Tempatan, pihak-pihak pemaju serta orang awam.

Tidak lupa ucapan tahniah dan terima kasih juga kepada JPBW kerana berjaya menganjurkan persidangan perancangan tahun 2014 yang bertemakan "*Planning for Liveable Cities in Sabah with Focus on Affordable Housing*". Tema yang dipilih amatlah bertepatan dan diharap menjadi "*platform*" kepada semua pihak agensi kerajaan negeri, persekutuan mahupun swasta untuk mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti dalam memenuhi hasrat rakyat.


Umum mengetahui pada hari ini masih terdapat banyak penempatan atau perkampungan atas air di kawasan pinggir bandar yang mana tahap kebersihannya kurang memuaskan dan tidak teratur. Selain daripada itu, terdapat juga kawasan-kawasan penempatan tersebut yang tidak mempunyai sistem pembentungan yang sempurna. Keadaan persekitaran sedemikian dibimbangi mengakibatkan pelbagai masalah seperti masalah wabak penyakit yang mudah merebak dan sebagainya. Disamping itu, keadaan berkenaan juga boleh menambahkan kecacatan persekitaran serta pemandangannya dan sekaligus boleh menjejaskan imej kawasan bandar-bandar utama di Sabah.

Menyedari hakikat ini, kerajaan negeri melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan juga akan memastikan 30 peratus daripada program pembangunan perumahan kos sederhana dan tinggi di bandar akan memasukkan program pembangunan perumahan mampu milik bagi menjamin golongan berpendapatan rendah di bandar dapat memiliki rumah. Agensi kerajaan dan swasta perlu bersama-sama memastikan kualiti hasrat ini tercapai samaada bilangan unit mahupun kualiti binaan rumah mampu milik ini selesai untuk didiami.

Tidak dinafikan bahawa jurang perbezaan harga bagi rumah mampu milik di Semenanjung Malaysia dan Sabah juga amat ketara. Namun kerajaan sedang berusaha untuk mengimbangi dan menangani isu ini. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan untuk menubuhkan Majlis Perumahan Negara bagi merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah dengan lebih cekap dan cepat. Keanggotaan majlis ini terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, JPN, PR1MA, SPNB dan sektor swasta.

Dalam menghadapi cabaran ini, adalah penting bagi Kerajaan dan sektor swasta berkerjasama untuk mewujudkan industri perumahan yang berdaya saing dan mampan, apatah lagi dalam masa beberapa tahun lagi Malaysia di harapkan akan mencapai wawasan 2020. Oleh yang demikian, saya berharap agar seminar pada hari ini akan memberi banyak faedah kepada semua dan sentiasa berkerjasama dalam pembangunan Negeri Sabah dapat diimplementasikan dengan jayanya.

Sekian.



DATUK MATIUS BIN SATOR @ MATTHEW

KATA-KATA ALUAN

Yang Berusaha Pengarah

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya kita dapat berkongsi informasi dan idea serta wacana baru dalam bidang perancangan bandar yang memfokuskan kepada “affordable housing” khasnya di negeri Sabah. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga JPBW terutamanya kepada barisan sidang redaksi di atas penerbitan buletin pada kali ini yang bertemakan “*Planning for Liveable Cities in Sabah with Focus on Affordable Housing*”.

Umum mengetahui bahawa Sabah kini berada dalam polemik dari segi proses urbanisasi, migrasi, keperluan perumahan, harga rumah melambung tinggi, kesan perubahan iklim dan isu perubahan teknologi yang akan mempengaruhi cara kehidupan masyarakat akan datang. JPBW harus bersedia bagi merancang gunatanah dengan peredaran masa. Cabaran perbandaran pada masa akan datang dilihat sebagai satu situasi yang dinamik dan perlu diurus tadbir dengan baik, mengikut kaedah realistik dan praktikal.

Dalam merealisasikan hasrat kerajaan ini, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah mengorak langkah dengan lebih drastik dalam memainkan peranan penting terutamanya penyediaan garis-garis panduan serta polisi-polisi perancangan terutamanya yang melibatkan pembangunan yang berdensiti tinggi. Usaha ini perlu melibatkan pelbagai agensi-agensi Kerajaan Negeri, Persatuan Pemaju-pemaju Hartanah Sabah (SHARED), Persatuan Arkitek PAM Sabah, swasta dan semua Persatuan-persatuan bukan kerajaan NGO berdiskusi dalam memberikan input semasa penyediaan garis panduan ini untuk diselaraskan penggunaannya di seluruh Negeri Sabah. Penglibatan dari semua “stake holder” perlu diambil kira bagi merumus satu bentuk garis panduan yang boleh dijadikan sebagai acuan dalam memacu pembangunan di Sabah.

Jabatan menyedari hakikat ini dan menjadikannya satu *paradigm shift* atau anjakan yang signifikan perlu dilakukan dalam konteks penilaian kawalan-kawalan pembangunan di seluruh Negeri Sabah dan tidak terkecuali juga pembangunan-pembangunan kawasan perumahan mampu milik. Tanpa kolaborasi strategik dan bersepadu di antara semua pihak, hasrat dan misi jabatan bagi meyeragamkan garis panduan mungkin tidak akan tercapai. Kerjasama ini penting bagi mewujudkan sinergi yang berkesan untuk menyelesaikan isu dan masalah serta cabaran pembangunan akan datang.

Akhir kalam, jabatan berharap penerbitan buletin ini diharap dapat memberikan informasi kepada pembaca dan sekaligus dapat memperkenalkan peranan dan fungsi perkhidmatan Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah kepada orang ramai. Semoga tahun 2015 akan terus membawa kecemerlangan kepada kita semua.

Sekian, terima kasih, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh.

HAJI MURSIDI HAJI. SAPIE

PELAN STRUKTUR SABAH (SSP2033)

**KENAPA
SSP2033
DIPERLUKAN?**

**Tempoh perancangan
20 tahun untuk
pembangunan Negeri
Sabah**

**Merancang negeri
secara menyeluruh
dan holistik**

**Pendekatan secara
'bottom - up'**

**Selaras dengan
keperluan Ordinance
Perancang Bandar
dan Desa (CAP.141)**


**Mewujudkan negeri
yang mempunyai
kualiti hidup
yang tinggi**

**Memelihara
persekitaran
semulajadi negeri**

**Memodenkan
ekonomi untuk
mencapai negeri
yang sejahtera
dan saksama**



PENYEDIAAN PELAN TEMPATAN



PIHAK BERKUASA TEMPATAN



PELAN TEMPATAN

INTEGRATED COASTAL ZONE MANAGEMENT

ICZM

Di antara aktiviti yang melibatkan Unit ICZM sepanjang tahun 2014 ini ialah salah satunya menjadi urusetia kepada Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Zon Pesisiran Pantai (ICZM) Negeri Sabah yang telah diadakan sebanyak 3 kali setahun dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman dan di antara perkara utama yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut ialah Definasi Sempadan Zon Pesisir Pantai Sabah, Rangka kerja ICZM, Institusi ICZM, perundangan, ICZM untuk diselarikan dengan ISMP dan Klasifikasi Ekosistem Zon Pesisir Pantai Sabah yang digunakan di dalam pemetaan ekosistem berdasarkan GIS (*GIS-based ecosystem mapping*).



Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Zon Pesisiran Pantai (ICZM) Negeri Sabah yang diadakan pada 15 April 2014. Dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, bertempat di Bilik Mesyuarat, Dewan Undangan Negeri, Kota Kinabalu.



KURSUS QUANTUM GIS



Kakitangan Jabatan daripada Unit ICZM, Unit Latihan dan Unit Pelan Struktur telah menyertai Kursus *OPEN SOURCE DESKTOP GIS QUANTUM* selama 3 hari, bermula pada 1 Disember sehingga Disember 2014 yang di anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia bertempat di TH Hotel, Kota Kinabalu.



Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Zon Pesisiran Pantai (ICZM) Negeri Sabah yang diadakan pada 05-05-2014. Dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat SKN, Kota Kinabalu.



Di akhir tahun 2014, Unit ICZM telah menyiapkan peta ekosistem (*ecosystem map*) untuk pantai barat Sabah iaitu daripada daerah Sipitang sehinggalah ke daerah Kudat. Susulan daripada itu, Unit ICZM telah menghasilkan dua buah buku yang akan di cetak sebagai produk daripada Unit ICZM.

Buku yang pertama dinamakan sebagai "Ecosystem Classification of the Coastal Zone of Sabah" dan buku yang kedua dinamakan sebagai "Ecosystem Maps of The Coastal Zone of The West Coast of Sabah".

PRODUK ICZM

PENYELIDIKAN DASAR DAN LATIHAN

Di sepanjang tahun 2014, seramai 7 orang pelajar daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi telah menjalani latihan industri di jabatan Perancang Bandar dan Wilayah.

Pelajar - pelajar berkenaan telah didedahkan kepada tatacara pentadbiran dan kefahaman dalam sistem perancangan bandar di negeri Sabah. Selain itu, bagi membantu para pelajar meningkatkan kemahiran dalam bidang perancangan bandar, beberapa latihan juga diberikan berkaitan dengan pemeriksaan pelan pembangunan dan bangunan serta kajian di lapangan.

Antara pelajar – pelajar praktikal:-

1. Nama : Elvin anak Jawol
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perancangan dan Pembangunan)
Institut : Universiti Malaysia Sabah
2. Nama : Wan Yunus bin Wan Morni
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perancangan dan Pembangunan)
Institut : Universiti Malaysia Sabah
3. Nama : Nur Anyshaj bte Ismail
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perancangan dan Pembangunan)
Institut : Universiti Malaysia Sabah
4. Nama : Rafidah bte Yacuba
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perancangan dan Pembangunan)
Institut : Universiti Malaysia Sabah
5. Nama : Al bin Ali Dahlan
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perancangan dan Pembangunan)
Institut : Universiti Malaysia Sabah
6. Nama : Mohd Nuralim bin Talawi
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah
Institut : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
7. Nama : Azura bte Kepin
Kursus : Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah
Institut : Universiti Teknologi Mara



Dari kiri: En. Elvin anak Jawol, En. Wan Yunus bin Wan Morni, En. Al bin Ali Dahlan, En. August Taming, En. Mohd Nuralim bin Talawi, Cik Rafidah bte Yacuba, Cik Nur Anyshaj bte Ismail.




Dari kiri: En. August Taming, Puan Eleanor Wong, Cik Azura bte Kepin.

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN (IBU PEJABAT KOTA KINABALU)

Carta 1 dan 2 menunjukkan bilangan permohonan pembangunan yang diproses sepanjang tahun 2013 dan 2014. Permohonan pembangunan yang disemak dan diteliti adalah merangkumi empat zon, iaitu Zon Tengah, Zon Barat Daya, Zon Barat Laut dan Zon Pendalaman. Berdasarkan kedua-dua carta di bawah ini, kita mendapati berlakunya peningkatan di dalam penerimaan permohonan pembangunan pada tahun 2014 iaitu sebanyak 932 permohonan berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 777 permohonan yang diterima.


PERMOHONAN PEMBANGUNAN TAHUN 2013



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Kota Kinabalu

CARTA 1 : BILANGAN KESELURUHAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2013


PERMOHONAN PEMBANGUNAN TAHUN 2014



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Kota Kinabalu

CARTA 2 : BILANGAN KESELURUHAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2014

Carta 3 dan 4 menunjukkan perbandingan jumlah permohonan Pelan Pembangunan mengikut daerah yang dikemukakan mengikut tahun 2013 dan 2014. Daerah Penampang merupakan daerah yang paling banyak menerima permohonan Pelan Pembangunan diikuti oleh Daerah Kota Kinabalu khususnya di Zon Tengah.



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Kota Kinabalu

CARTA 3: PELAN PEMBANGUNAN YANG DIPROSES BAGI TAHUN 2013 DAN 2014



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Kota Kinabalu


CARTA 4: PELAN PEMBANGUNAN BARU ANTARA TAHUN 2013 DAN 2014

Sementara di Daerah Ranau adalah menunjukkan peningkatan dalam penerimaan pelan pembangunan bagi Zon Barat Daya. Manakala Daerah Putatan dan Daerah Papar menerima permohonan pembangunan yang aktif di Zon Barat Laut. Seterusnya, Daerah Keningau juga menerima permohonan pembangunan paling banyak di Zon Pedalaman.

Secara keseluruhannya, bilangan permohonan pelan pembangunan yang dikemukakan adalah lebih meningkat pada tahun 2014 iaitu sebanyak 716 permohonan manakala pada tahun 2013 ialah 615 permohonan. Disamping itu, bagi permohonan Pelan Pembangunan baru pula menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2014 iaitu 338 permohonan berbanding pada tahun 2013 yang menerima permohonan baru adalah sebanyak 414 permohonan.

PEJABAT CAWANGAN SANDAKAN

PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Cawangan Sandakan

Jadual dan graf di atas menunjukkan jumlah keseluruhan bagi cadangan pembangunan mengikut daerah yang telah disemak dan teliti oleh JPBW Cawangan Sandakan sepanjang tahun 2014. Secara umumnya Daerah Sandakan adalah daerah yang mempunyai permohonan tertinggi iaitu sebanyak 254 permohonan diikuti oleh Daerah Buluran iaitu 19 permohonan. Daerah Kinabatangan pula mempunyai 17 permohonan manakala Daerah Sukau mempunyai 3 permohonan dan Daerah Telupid hanya 2 permohonan. Daerah Paitan dan Tongod masing-masing tidak mempunyai sebarang permohonan pada tahun 2014.



PEJABAT CAWANGAN TAWAU

PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN

BILANGAN PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN MENGIKUT JENIS PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2014

PERMOHONAN DAERAH	PERUMAHAN	KOMERSIAL	INDUSTRI	BER CAMPUR	BANGUNAN AWAM	PELANCONGAN	JUMLAH
TAWAU	17	9	4	0	1	1	32
LAHAD DATU	6	10	13	1	4	0	34
SEMPORNA	5	6	0	0	2	5	18
KUNAK	1	0	3	0	1	0	5
JUMLAH	29	25	20	1	8	6	89

Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Cawangan Tawau

BILANGAN PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN MENGIKUT JENIS PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2014



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Cawangan Tawau


Graf palang menunjukkan bilangan permohonan pelan pembangunan berdasarkan jenis pembangunan dan daerah yang terlibat. Jumlah permohonan untuk perumahan adalah sebanyak 29 permohonan, komersial sebanyak 25 permohonan, industri sebanyak 20 permohonan, bercampur sebanyak 1 permohonan, bangunan awam sebanyak 8 permohonan serta permohonan untuk pelancongan sebanyak 6 permohonan dan jumlah keseluruhan permohonan adalah sebanyak 89 permohonan. Bilangan permohonan yang paling banyak diterima oleh jabatan adalah daripada daerah Lahad Datu iaitu sebanyak 34 permohonan yang mana lebih kepada pembangunan industri dan komersial. Daerah Tawau pula permohonan lebih kepada pembangunan perumahan dengan jumlah permohonan terbanyak berbanding di daerah lain.

PERMOHONAN PELBAGAI PEMBANGUNAN

BILANGAN PERMOHONAN PELBAGAI PEMBANGUNAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI TAHUN 2014

PERMOHONAN DAERAH	PELAN PEMBANGUNAN	PELAN PINDAAN	PELAN BANGUNAN	PENUKARAN ZON	PEMBAHAGIAN TANAH	EIA	PT	TEMPOH PAJAKAN	JUMLAH
TAWAU	21	11	3	4	30	6	8	15	98
LAHAD DATU	25	9	24	2	3	5	10	3	81
SEMPORNA	15	3	8	1	0	1	3	2	33
KUNAK	5	0	0	0	3	0	0	2	10
JUMLAH	66	23	35	7	36	12	21	22	222

Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Cawangan Tawau



Sumber: Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Cawangan Tawau

Merujuk kepada graf palang di atas, bilangan permohonan pelbagai pembangunan sebanyak 222 permohonan. Bagi permohonan pelan pembangunan ialah sebanyak 66 permohonan, pindaan 23 permohonan, pelan bangunan 35 permohonan, penukaran zon 7 permohonan, pembahagian tanah 36 permohonan, EIA 12 permohonan, permohonan tanah 21 permohonan dan tempoh pajakan adalah 22 permohonan. Permohonan paling banyak dilaksanakan adalah di daerah Tawau iaitu secara purata melibatkan pelan pembangunan, Pelan Pindaan, pembahagian tanah dan tempoh pajakan. Manakala, daerah Lahad Datu menerima permohonan paling banyak dari segi pelan pembangunan, pelan bangunan, dan permohonan tanah berbanding daerah lain.

HARI LANDSKAP NEGARA

Majlis pelancaran Hari Landskap Negara peringkat kebangsaan ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah pada 3 Mac 2014.



IFLA Asia Pacific Congress 2014.
Kuching Sarawak, Malaysia
(International Federation of Landscape Architects)

IFLA
ASIA PACIFIC
CONGRESS 2014
Kuching • Sarawak • Borneo • Malaysia

28-30 April 2014
Pullman Kuching, Sarawak

Organized by



Prime Sponsor



PIAWAIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP NEGERI SABAH



Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Siri 2(a) 5 Ogos 2014 (Selasa) antara dibincangkan adalah cadangan pembangunan & penyediaan kawasan lapang bagi pembangunan (secara keseluruhan & berfasa), kawasan lapang atas bangunan dan Pengemukaan Pelan Landskap



- Mesyuarat Teknikal Siri1/2014
5 Mac 2014
- Mesyuarat Teknikal Siri 2/2014
4 Julai 2014 (Jumaat)

Piawaian perancangan ini amat penting memandangkan ianya adalah usaha untuk mewujudkan satu bentuk rujukan yang jelas dan kuantitatif di dalam memandu dan mengawal pembangunan landskap di seluruh Negeri Sabah.

PERSIDANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN LANDSKAP 2014

"Perkhidmatan Landskap Transformasi Pesekitaran Negara"
14 - 16 Oktober 2014
RHR Hotel @ Uniten, Bangi, Selangor



KETATAPAN *LEMBAGA PUSAT* PERANCANG BANDAR DAN DESA PADA TAHUN 2014

1. PEKELILING LPPBD BIL. 1/2014

Permohonan Kelulusan Merancang / Pelan Pembangunan - Pengesahan Pematuhan Zon Gunatanah dan Piawai/Garis Panduan Jabatan-Jabatan Teknikal Oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

i). Lembaga Pusat telah memutuskan untuk memberi peringatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bahawa setiap pelan pembangunan yang dikemukakan oleh PBT kepada Lembaga Pusat untuk mendapat kebenaran di bawah Seksyen 15 Ordinan Perancang Bandar dan Desa hendaklah **LENGKAP DAN TELAH MEMATUHI** zon gunatanah dan semua syarat/ piawai Jabatan-Jabatan teknikal. Isu-isu di atas telah dibincang oleh Lembaga Perancang Bandar dan Desa dalam usahanya untuk mempertingkatkan lagi proses kelulusan permohonan merancang / pelan pembangunan di negeri ini;

ii). Pihak Berkuasa Tempatan adalah dikehendaki untuk memberikan kepada Lembaga Pusat **PENGESAHAN PEMATUHAN** di atas dengan menggunakan borang makluman, senarai semak dan panduan untuk mengisi borang berkenaan yang disertakan;

iii). Pelan pembangunan yang tidak lengkap atau tidak mempunyai pengesahan pematuhan zon dan piawai yang dimaksudkan di atas tidak akan dipertimbangkan oleh Lembaga Pusat; dan

iv). Keputusan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

2. PEKELILING LPPBD BIL. 2/2014

Penguatkuasaan Piawai Plot Ratio Ke Atas Pelan Pembangunan Perumahan Jenis Landed Property.

i). Lembaga Pusat telah memutuskan bahawa piawai plot ratio tidak akan dikuat-kuasakan dalam pembangunan perumahan landed property 3-tingkat ke bawah. Bagi pembangunan perumahan seperti ini, Lembaga Pusat memutuskan bahawa penguatkuasaan piawai anjakan bangunan adalah mencukupi; dan

ii). Keputusan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

3. PEKELILING LPPBD BIL. 3/2014

Pengeluaran Kelulusan Pelan Pembangunan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Kepada Pihak Pemohon.

i). Lembaga Pusat mendapati bahawa terdapat kes di mana sebelum memperolehi kebenaran Lembaga Pusat di bawah Seksyen 15 Ordinan Perancang Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Tempatan mengeluarkan surat kepada pihak pemohon yang mana kandungan surat berkenaan memberi maksud seolah-olah pelan pembangunan berkenaan adalah diluluskan;

ii). Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa terdapat juga pelan pembangunan berkenaan telah dicop diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum kelulusan Lembaga Pusat;

iii). Lembaga Pusat amat mengambil berat berhubung dengan perkara ini oleh sebab ianya bukan sahaja mengelirukan pihak pemohon, ianya juga akan menyebabkan sesuatu pembangunan dilaksanakan tanpa kelulusan yang sah. Perkara ini juga boleh mencetuskan berbagai masalah pada masa-masa akan datang; dan

iv). Untuk mengelakkan perkara ini berterusan, semua Pihak Berkuasa Tempatan adalah dikehendaki untuk memastikan bahawa:-

a). Surat kelulusan bagi sesuatu pelan pembangunan hanya dikeluarkan selepas kebenaran daripada Lembaga Pusat di bawah Seksyen 15 adalah diperolehi;

b). Sebarang surat-menyurat daripada PBT kepada pihak pemohon sebelum kebenaran Lembaga Pusat di atas diperolehi hendaklah jelas dan tidak memberi maksud seolah-olah pelan pembangunan berkenaan adalah diluluskan; dan

c). Pelan Pembangunan hanyalah dicop diluluskan selepas kebenaran Lembaga Pusat diperolehi dan semua syarat-syarat teknikal telah dipatuhi.

v). Keputusan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

KHIDMAT PENGURUSAN

**PENTADBIRAN, KEWANGAN, PENGURUSAN KUALITI
DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

Hasil pengauditan oleh Audit Negara Malaysia pada bulan November 2013, jabatan telah dianugerahkan pengurusan kewangan terbaik dengan mendapat Anugerah 4 bintang dimana anugerah tersebut telah disampaikan pada 24 November 2015 kepada Pengarah JPBW.

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PADA TAHUN 2014 BAGI PENILAIAN PRESTASI 2013

1. Encik Sabarin Matsalleh
2. Encik Yeo Boon Ching
3. Puan Jen Nee Yap
4. Puan Yeo Koi Lian
5. Encik Norfini Hj Kaulih
6. Encik Abd. Nasser Mohd Rais

MENIMANG CAHAYA MATA

Ucapan tahniah kepada Puan Nurulhayati Awang More kerana telah menimang cahaya mata pada 25 Oktober 2014.



SELAMAT DATANG KE JPBW

Cik Dayang Maisarah binti Kamin sebagai Penolong Arkitek Landskap JA 29 telah melapor diri pada 02 September 2014 dan ditempatkan di Bahagian Landskap dan Rekreasi.

Cik Farida binti Ansawi sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa JA 41 telah melapor diri pada 06 November 2014.

ANUGERAH KHAS PENGARAH ATAS KHIDMAT CEMERLANG 2014 BAGI PENILAIAN PRESTASI 2013

1. Puan Hajah Jamilah Haji Ajamain
2. Encik Nazri Hamburg
3. Puan Rosnah Abdul Rahman
4. Puan Shirley Teo
5. Puan Nurulhayati Awang More
6. Shahrum Radzlee Mohd Samlih
7. Encik Pasdik Francies
8. Encik Abdul Wahid Abdul Rashid
9. Encik Terence @ Chia Ah Kau
10. Encik Usly Harun
11. Cik Tan Sue Ching
12. Puan Teresa Linggian
13. Puan Bernadette C. Edmund
14. Puan Adelynna Adeline Foo
15. Puan Christina @ Dahlia
16. Encik Harry Issu
17. Puan Mariani Udai
18. Puan Rozidah Samudin
19. Cik Carolyn C. Tay
20. Puan Saulim Gutok

JASAMU DIKENANG

Pada 20 Julai 2014, Encik Terence Chia telah bersara wajib daripada perkhidmatan awam sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa J 48

MESYUARAT PEGAWAI KANAN PERANCANG BANDAR & DESA KE-28

Mesyuarat ini adalah dihadiri oleh pegawai kanan J48 dan ke atas di Malaysia. Pengerusi mesyuarat ialah Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, YBhg. Datin Paduka Dr Dahlia Binti Rosly.

Majlis perasmian mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia Ke-28 diadakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ybhg. Datin Paduka Dr Dahlia Binti Rosly dan ucapan perasmian oleh YB Datuk Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selepas majlis perasmian, sesi dialog bersama dengan VIP diadakan.

Sebanyak 6 kertas kerja telah disampaikan oleh Penceramah seperti yang berikut:

- “Planner As Plan Implementor” oleh Datuk Bandar Shah Alam Ybhg Dato’ Mohd. Jaafar bin Mohd Atan, Majlis Bandaraya Shah Alam,
- Planner As Urban Changer oleh Encik Philipose Philip, PAG Consult Sdn Bhd,
- “How To Gear And Groom A Planner To Be The Urban Changer” oleh Prof. Emeritus Dr Ismawi bin Zen, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
- Ustaz Mahmud bin Mat. Perunding Bina Ummah,
- Project Property Development Genting Malaysia Berhad termasuk lawatan Teknikal Genting,
- dan “Sharing Session”, “Solution”, “Take Away” daripada pembentangan kertas kerja dan diakhiri dengan rumusan mesyuarat.



PERSIDANGAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA 2014

"PLANNING FOR LIVEABLE CITIES IN SABAH WITH FOCUS ON AFFORDABLE HOUSING"



Persidangan Tahunan Perancangan Negeri Sabah dianjurkan bersempena dengan Hari Perancang Bandar Sedunia 2014 telah diadakan pada 20 November 2014 di Magellan Sutera Harbour Resort Kota Kinabalu dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.



KREW

KELAB SUKAN DAN REKREASI JPBW

**PERTANDINGAN MEMANCING
LAUT DALAM TERTUTUP JPBW
17 - 19 MEI 2014**



**PERTANDINGAN
BOWLING
TERTUTUP KREW
20 NOVEMBER 2014**





SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2014

ANJURAN KREW BERSAMA JABATAN

